

BAB 4: PERANAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA SEHINGGA TAHUN 1945

Dewan-dewan Perniagaan India telah memainkan peranan penting dari segi politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat India terutamanya bagi golongan peniaga India di Tanah Melayu. Dewan-dewan Perniagaan India juga telah mengalami pelbagai cabaran dan masalah dalam mencapai objektif dan tujuannya. Dalam bab ini akan dibincangkan peranan atau fungsi Dewan-dewan Perniagaan India sejak ia ditubuhkan sehingga Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Oleh kerana tahap ini merupakan tahap awal penubuhannya, Dewan-dewan Perniagaan India telah mengalami pelbagai cabaran dalam memantapkan peranannya serta telah mencapai beberapa kejayaan dalam perjuangannya.

Peranan Ekonomi

Tujuan utama penubuhan Dewan Perniagaan India ialah membantu ahli-ahlinya maju dalam bidang ekonomi terutamanya dalam perniagaan dan perdagangan. Dewan Perniagaan India membantu peniaga-peniaga, saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang India dengan menyampaikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh mereka, menyelesaikan masalah-masalah mereka hadapi dan sebagainya. Salah satu aktiviti penting Dewan Perniagaan India dalam menyampaikan maklumat ialah menerbitkan risalah-risalah yang mengandungi butir-butir tentang barang-barang eksport dan import, harga barang semasa, keadaan perdagangan dalam negara dan luar negara dan sebagainya. Risalah-risalah ini diterbitkan secara berkala dan kosnya ditanggung dari yuran yang dibayar oleh ahli-ahlinya.¹

Selain dari menerbitkan risalah, perjumpaan juga diadakan dari masa ke semasa untuk membincangkan isu-isu perdagangan, dasar-dasar ekonomi dan politik kerajaan, dan masalah-masalah semasa. Di antara

perbincangan ialah mengenai jenis barang-barang perniagaan yang menguntungkan pada sesuatu masa supaya para peniaga dapat melabur dalam barang-barang yang menguntungkan serta membincangkan juga faktor-faktor yang mempengaruhi kenaikan dan kejatuhan harga barang.² Ini akan membantu para peniaga India supaya lebih prihatin tentang situasi perniagaan dan perdagangan semasa.

Dewan Perniagaan India juga memberikan nasihat tentang perniagaan kepada ahli-ahlinya. Ekonomi Tanah Melayu bergantung kepada eksport bahan mentah, terutamanya bijih timah dan getah. Selain itu selepas tamat Perang Dunia Pertama (1918), eksport bahan-bahan mentah Tanah Melayu bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat. Pada tahun 1913 eksport dari pelabuhan-pelabuhan Selat ke Amerika Syarikat bernilai 12% tetapi selepas tamat Perang Dunia Pertama, ia meningkat kepada 35% (kecuali pada masa kemelesetan ekonomi selepas Perang Dunia Pertama, iaitu dari tahun 1920 hingga 1921).³

Oleh itu apabila Kemelesetan Besar (*Great Despression 1929-1933*) melanda Amerika Syarikat pada tahun 1929,⁴ ia turut memberikan kesan yang buruk kepada ekonomi Tanah Melayu kerana pada masa itu pasaran utama bahan-bahan mentah Tanah Melayu adalah Amerika Syarikat. Jadual di bawah menunjukkan peratus perdagangan pelabuhan-pelabuhan NNS dengan Amerika Syarikat dari tahun 1913 hingga 1938.

Jadual 8: Peratus Perdagangan Negeri-negeri Selat dengan Amerika Syarikat daripada tahun 1913 hingga 1938.

Tahun	Import	Eksport
1913	1.4	12.1
1914	1.3	12.3
1915	1.7	24.4
1916	2.1	27.6
1917	-	-
1918	2.5	35.2

1919	3.6	35.6
1920	4.5	33.0
1921	4.5	20.3
1922	2.8	33.4
1923	2.3	35.6
1924	2.6	35.5
1925	2.2	44.1
1926	2.3	40.0
1927	3.2	44.0
1928	3.2	42.0
1929	3.6	42.7
1930	3.3	34.7
1931	2.5	33.0
1932	1.8	19.7
1933	1.4	31.4
1934	1.7	33.2
1935	1.7	36.6
1936	1.8	46.3
1937	2.3	44.1
1938	3.0	29.7

*Tiada maklumat.

Sumber: P.P.Courtenay, A Geography of Trade and Development In Malaya, London: G.Bell&Sons Ltd., 1972, hlm.128.

Oleh itu pada tempoh masa Kemelesetan Besar, ekonomi Tanah Melayu mengalami kesan yang buruk dalam pelbagai aspek. Disebabkan kemelesetan ekonomi peniaga-peniaga India mengimport barang-barang mengikut keperluan semasa sahaja bagi mengelakkan kerugian yang banyak. Pada masa kegemilangan harga getah dan bijih timah ramai peniaga-peniaga kecil seperti kedai-kedai runcit di ladang-ladang, luar bandar dan bandar dapat mengambil barang-barang secara berhutang daripada saudagar-saudagar besar dan setelah menjual barang-barang tersebut dapat menjelaskan hutang mereka. Tetapi pada masa Kemelesetan Besar ramai peniaga telah mengalami kerugian

kerana tidak dapat kutip balik hutang, harga barang naik atau inflasi dan sebagainya. Oleh itu banyak kedai ditutup dan peniaga-peniaga menjadi muflis.

Oleh itu peniaga-peniaga India menjalankan perniagaan secara tunai sahaja. Walaupun dengan cara ini hanya dapat sedikit keuntungan sahaja tetapi ia dapat elakkan berlakunya kerugian dalam perniagaan.⁵ Walaupun ahli-ahli Dewan Perniagaan India telah mengalami kerumitan dalam perniagaan disebabkan kejatuhan perdagangan dalam negara dan luar negara tetapi atas nasihat Dewan Perniagaan India, peniaga-peniaga India mampu bertahan dalam bidang perniagaan pada masa itu.

Dewan-dewan Perniagaan India telah membantu ahli-ahlinya dengan aktiviti-aktiviti seperti menerbitkan risalah, memberi nasihat, memberikan maklumat-maklumat kepada peniaga-peniaga dan sebagainya . Dengan cara ini ia telah membantu para peniaga pada zaman kemelesetan ekonomi.

Gerai di Pameran Pertanian dan Kraftangan

Di Tanah Melayu tidak ada *Trade Commissioner* India seperti komuniti-komuniti peniaga lain untuk mempromosikan barang-barang keluaran dari India. Peniaga-peniaga India pun tidak berusaha untuk mempromosikannya untuk meningkatkan jualan barang-barang dari India. Oleh itu ahli-ahli Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (PSSIS) menganggap ia sebagai tanggungjawab mereka sebagai seorang peniaga India untuk memperkenalkan barang-barang dari India kepada masyarakat India di Tanah Melayu.⁶

Atas nasihat Rao Sahib M. Kunjuraman Nair (Agen Kerajaan India), PSSIS telah mendirikan sebuah gerai di Pameran Pertanian dan Kraftangan Se-Tanah Melayu (*All Malaya Agri-Horticultural Exhibition*) yang ke 10 yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1933.⁷ Gerai itu telah

mempamerkan barang-barang keluaran dan buatan India. Gerai ini boleh dianggap berjaya kerana semua ahli-ahli PSSIS telah bekerjasama bagi menjayakannya serta mereka memenangi hadiah pingkat gangsa dalam pameran tersebut.⁸

Dari tahun tersebut PSSIS telah mendirikan gerai di Pameran Pertanian dan Kraftangan setiap tahun dan ia menjadi aktiviti tahunan organisasi tersebut bagi mempamerkan barang-barang keluaran India. Dalam Pameran Peranian dan Kraftangan Se-Tanah Melayu yang ke 11 telah diadakan di Selangor, PSSIS telah mempamerkan barang-barang dari India dan juga barang-barang kraftangan yang dihasilkan oleh orang India di Tanah Melayu. Dengan cara ini PSSIS dapat mempromosikan barang-barang keluaran dari India dan juga orang India tempatan.⁹

Menyelesaikan masalah ahli

Dewan-dewan Perniagaan India terutamanya PSISS menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya.¹⁰ Dewan Perniagaan India menyelesaikan kes-kes atau masalah yang dibawa oleh ahli-ahlinya. Dengan cara ini dapat mencegah pembaziran wang, masa, tenaga dan maruah ahli-ahlinya pun terpelihara. Ini kerana kes-kes ini diselesaikan di antara orang-orang terlibat sahaja dan bukan dibawa kepada pengetahuan umum sebagaimana dilakukan oleh mahkamah. Orang yang boleh membawa kes kepada Dewan Perniagaan India ialah ahli-ahli dewan, rakan ahli-ahli dewan dan juga pekerja-pekerja yang terlibat dalam perniagaan.

Pembawa-pembawa kes harus mengemukakan permohonan menyelesaikan kes mereka kepada Dewan Perniagaan India. Selepas itu, Dewan akan menghantar surat kepada orang yang didakwa dan maklumkan tentang orang yang menjadi pendakwa dan meminta sama ada si didakwa ingin menyelesaikan kes mereka melalui Dewan. Dewan Perniagaan India akan tetapkan tarikh untuk mendengar kes. Selepas itu yuran atau bayaran

yang dikenakan kepada orang-orang terlibat akan dikutip dan diserahkan kepada Dewan. Setiap kes dikenakan bayaran tertentu untuk menyelesaiannya. Bayaran bagi kes-kes yang dibincangkan oleh PSSIS telah ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada 6 September 1931. Bagi kes yang diadili oleh tiga orang ‘hakim’ atau penyelesai, bayarannya \$30 sehari dan jika lima orang ‘hakim’ bayarannya ialah \$50¹¹ dan cara penyelesaian kes ini dipanggil sebagai ‘Panjaithu’.

Seterusnya Dewan akan mendapatkan kenyataan bertulis daripada orang yang didakwa dan mereka harus menulis keterangan mereka dengan lengkap serta bersumpah. Rayuan mereka harus ditulis secara ringkas serta menyerahkan dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat yang menyebelahi mereka kepada Dewan.¹² Satu salinan semua dokumen seperti surat jaminan, buku kira-kira dan sebagainya yang memberi penjelasan atau penerangan tentang kes mesti diserahkan kepada ‘Jemaah Juri’ atau ‘hakim-hakim’ dan satu salinan kepada orang yang didakwa dan kalau ramai didakwa, seorang satu salinan. ‘Hakim’ akan dilantik oleh Dewan setelah menimbangkan juga permintaan pendakwa dalam lantikan ‘hakim’. Orang yang berpengalaman akan dilantik menjadi ‘hakim’ dan seboleh-bolehnya orang yang tidak mempunyai kaitan dengan orang yang dibicarakan.

Apabila kenyataan atau keterangan pendakwa kes diterima oleh orang yang didakwa, mereka harus menyediakan kenyataan balasan atau bantahan dan serahkan sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan bersama bukti-bukti kepada Dewan. Para ‘hakim’ akan membaca kenyataan-kenyataan, dokumen-dokumen yang berkaitan dan menulis ringkasan kenyataan-kenyataan itu di atas kenyataan atau dokumen tersebut juga. Kalau ada kenyataan yang harus dibacakan, ia akan dibaca pada hari perbicaraan dan tandatangan dan angkat sumpah akan diambil dari orang yang terlibat. Jika orang itu buta huruf, kenyataan akan dibacakan kepada dia dan cop jari akan diambil. Seboleh-bolehnya semua kenyataan disediakan dalam bahasa Tamil.

Kalau orang yang didakwa tidak berpuashati, dia harus memberikan sebab, mengemukakan bukti dan menulis keterangan dan kenyataan dengan jelas dan menurunkan tandatangan. Tarikh perbicaraan baru akan ditentukan. Orang yang didakwa akan diminta membuat kenyataan tentang perkara-perkara yang dia akui atau terima dan perkara-perkara yang tidak diakui serta mereka akan menulis semula kenyataan mereka.

Kes akan dibicarakan dalam masa satu hari ataupun berterusan untuk beberapa hari. Apabila membicarakan seseorang, orang lain tidak boleh berada bersama ataupun dalam bilik yang sama. Kod undang-undang saksi 137 dan 138 akan digunakan dalam perbicaraan kes ‘Panjaithu’.¹³ Semua dokumen dan saksi setelah dibicarakan akan diminta menurunkan tandatangan dalam kenyataan mereka buat.

Tarikh memberi keputusan akan ditetapkan. Pada hari tersebut setelah keputusan telah diumumkan, pihak-pihak yang terlibat harus keluar terus. Apabila pendakwa atau didakwa membuat rayuan, kes itu akan dibicarakan oleh orang lain. Di Negeri-negeri Selat (NNS) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pihak berkuasa mengiktiraf keputusan yang dibuat oleh ‘Panjaithu’ Dewan Perniagaan India jika ia mengikut tatacara perbicaraan seperti yang dijelaskan di atas.¹⁴ Kadang-kala keputusan yang diberikan dalam ‘Panjaithu’ menimbulkan rasa kurang puas hati kepada orang didakwa atau pendakwa. Kalau ini terjadi, mereka boleh minta pembatalan keputusan dan membawa kes mereka ke mahkamah tinggi.

Kebaikan menyelesaikan kes-kes melalui Dewan Perniagaan India ialah orang yang menjadi pendakwa atau didakwa boleh memberikan dakwaan mereka secara lisan atau tulisan. Keputusan diberikan mengikut amalan dan kebenaran dan bukan mengikut undang-undang dari segi perundangan.

Bekerjasama dengan Dewan-dewan Perniagaan Lain

Dewan Perniagaan India juga telah bekerjasama dengan Dewan Perniagaan China apabila pihak British ingin mengenakan cukai import ke atas beras. Dewan Perniagaan China Selangor telah mengadakan satu mesyuarat untuk membincangkan cukai baru yang dikenakan ke atas beras yang diimport. Berikut dari mesyuarat itu pada 15 Oktober 1933, Dewan Perniagaan China Selangor termasuk Kuala Lumpur telah mengadakan satu perjumpaan yang disertai oleh wakil-wakil Dewan Perniagaan India Selangor, Dewan-dewan Perniagaan China yang lain, wakil-wakil Persatuan Pelombong Bijih Timah Selangor dan sebagainya.¹⁵ Semua wakil yang hadir dalam perjumpaan itu berpendapat kerajaan mengenakan cukai ke atas beras bagi mengatasi perbelanjaan berlebihan kerajaan dan bukan untuk mempertingkatkan pengeluaran beras tempatan. Mereka juga berpendapat kerajaan boleh menambahkan pendapatan dengan cara lain seperti kurangkan gaji pegawai-pegawai kerajaan. Wakil-wakil dalam perjumpaan itu juga berpendapat jika kerajaan benar-benar ingin menambahkan pengeluaran beras tempatan, ia boleh memajak tanah sawah padi kepada orang Cina dan kaum lain.¹⁶

Dalam perjumpaan itu juga mereka telah membincangkan tentang Laporan Jawatankuasa Beras yang telah menjalankan kajian secara mendalam pada tahun 1930 dan telah mengemukakan cadangan-cadangan kepada kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran padi dan dalam cadangan itu tidak ada cadangan untuk mengenakan cukai ke atas beras import. Jawatankuasa Jimat NNMB telah bermesyuarat bagi mengenakan cukai ke atas beras. Oleh kerana ia akan menyusahkan rakyat, ia ditentang oleh ramai orang dalam Jawatankuasa itu, tetapi Pengarah Pertanian pada masa itu telah mengeluarkan kenyataan suratkhabar tentang kenaikan cukai beras, iaitu beras sepikul yang diimport dikenakan cukai sebanyak 15 sen. Kenyataan itu telah disiarkan tanpa berbincang dalam Majlis Mesyuarat Federal dan kerajaan pun tidak

membincangkan tentang itu dengan Dewan-dewan Perniagaan. Wakil Persatuan Perniagaan Beras menjelaskan bahawa walaupun cukai dikenakan itu 15 sen atau seguni 27 sen tetapi dengan upah angkat, ia akan menjadi lebih kurang 78 sen seguni. Lagipun dengan dengan cara ini tidak boleh meningkatkan pengeluaran beras tempatan.¹⁷

Wakil Dewan Perniagaan India Selangor, Narashima Iyengar telah memberikan pendapat beliau dalam perjumpaan itu. Beliau berpendapat sesuatu cukai yang dikenakan ke atas bahan makanan yang menjadi makanan utama kepada 99% penduduk bukan satu cukai yang adil. Selain itu sebelum cukai ini, banyak barang telah dikenakan cukai dan cukai beras tidak adil.¹⁸ Lagipun cukai baru itu akan menyusahkan peniaga-peniaga. Selain itu dalam masa kemelesetan ekonomi, pengeluaran beras tempatan hanya dapat dipertingkatkan dengan membuat pinjaman kewangan.

Bantahan-bantahan daripada Dewan-dewan Perniagaan telah dihantar kepada Setiausaha Persekutuan (*Federal Secretariat*), Residen British Selangor, Sultan Selangor dan juga kepada S. Veerasamy, iaitu wakil orang India dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (PSSIS) mengambil berat tentang cukai beras kerana pedagang-pedagang India yang terlibat dalam mengimport beras ke NNMB kesemuanya adalah ahli-ahli Dewan-dewan Perniagaan India. Mereka mengimport lebih kurang 35% daripada beras yang diperlukan ke NNMB¹⁹ dan beras yang diimport dari India ialah 3 juta rupee setahun.²⁰

Oleh kerana kerajaan tidak mengambil apa-apa langkah untuk membatalkan cukai beras, wakil-wakil yang menghadiri perjumpaan yang dianjurakan oleh Dewan Perniagaan China termasuk ahli-ahli PSSIS telah menghantar satu utusan kepada Pesuruhjaya British , iaitu Sir Cecil Clementi dan wakil orang India ialah S.Veerasamy. Ketua rombongan utusan itu telah memohon kepada Sir Cecil Clementi supaya membenarkan ketua rombongan

itu berucap tentang cukai itu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Dalam utusan itu ada wakil masyarakat China, India dan juga wakil Persatuan-persatuan China dan India termasuk Dewan-dewan Perniagaan. Ahli-ahli rombongan ini berpendapat seorang rakyat miskin membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk membeli beras. Cukai beras tidak akan membawa kebaikan dari segi ekonomi kepada masyarakat terutama Cina dan India, malah satu aninya kepada masyarakat Cina dan India kerana kebanyakan orang Melayu mempunyai sawah sendiri.²¹

Dalam Majlis Mesyuarat Federal wakil orang Cina menyuarakan bantahan kepada cukai beras. Selain bantahan mereka, wakil-wakil tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Federal termasuk orang Melayu mengemukakan bantahan mereka. Wakil orang India S.Veerasamy dan wakil Dewan Perniagaan FMS (*Chamber of Commerce FMS*), iaitu kebanyakan ahli-ahlinya terdiri daripada orang Eropah juga membantah cukai beras kerana ia tidak wajar dan tidak semestinya cukai beras itu digunakan untuk mempertingkatkan pengeluaran beras. Walaupun kerajaan benar-benar ingin meningkatkan pengeluaran beras, jika harga getah naik kepada 6 sen satu *pound*, semua pesawah akan menanam getah daripada padi.²²

Pesuruhjaya Tinggi British menjelaskan bahawa Majlis Mesyuarat Perundangan boleh meluluskan sesuatu undang tanpa memberitahu lebih awal atau tanpa meminta kebenaran dan cukai kastam selalu dibuat dengan cara itu. Selain itu jika harga beras yang diimport dari negara-negara Burma, Siam dan Indonesia dinaikkan, maka secara tidak langsung harga beras akan naik juga. Oleh itu cukai beras itu tidak dibatalkan, walaupun rayuan telah dibuat oleh semua Dewan Perniagaan termasuk PSSIS.²³

Dewan Perniagaan India juga bekerjasama dan memberikan sokongan kepada Dewan-dewan Perniagaan lain. Pada tahun 1933, peniaga-peniaga Cina telah memboikot barang-barang Jepun dan pada masa itu

sebilangan kecil peniaga-peniaga atau pedagang-pedagang India telah terlibat dalam mengimport barang-barang dari Jepun dengan kuantiti yang banyak. Walaupun barang-barang dari Jepun dikenakan cukai yang tinggi berbanding dengan barang-barang Manchester, tetapi harganya masih tetap murah. Pada mulanya golongan India dan Melayu yang membeli barang-barang keluaran Jepun kerana harganya murah tetapi kemudian orang Cina golongan bawahan juga mula membeli barang-barang Jepun.²⁴

Oleh kerana harganya murah, barang-barang Jepun menjadi pesaing utama kepada barang-barang lain. Walaupun harganya murah, peniaga-peniaga Cina telah memboikot barang Jepun kerana konflik politik di antara negara China dan Jepun. Pemboikotan peniaga Cina telah disokong oleh peniaga-peniaga India. Selain yang disebutkan di atas, pada tahun 1938 sekali lagi Dewan-dewan Perniagaan China telah memboikot pembelian kain Jepun disebabkan perperangan di antara negara China dan Jepun.²⁵

Walaupun kain Jepun murah tetapi pedagang-pedang Cina mula membeli kain dari India dan Hong Kong. Kain import dari India telah meningkat empat kali ganda pada tahun 1938 daripada tahun 1937. Kain dari India telah memberikan persaingan kepada kain Manchester yang harganya lebih mahal. Boikot barang-barang Jepun berlanjutan pada tahun 1938²⁶.

Dewan-dewan Perniagaan India telah bekerjasama dengan Dewan-dewan Perniagaan China dalam memboikot barang Jepun untuk mengwujudkan sefahaman dan hubungan yang erat antara mereka.

Penubuhan Bank

Dewan Perniagaan India juga telah memainkan peranan penting dalam penubuhan bank India di Tanah Melayu. Di Tanah Melayu orang Eropah, Cina, Jepun dan Belanda telah mempunyai bank masing-masing dan hanya orang India tidak ada bank.²⁷ Dewan Perniagaan Chettiar Pulau Pinang

telah bermesyuarat tentang penubuhan sebuah cawangan bank India di Tanah Melayu. Dewan Perniagaan Chettiar Pulau Pinang dan Dewan Perniagaan India telah berhubung dengan bank-bank di Madras, di antaranya *Indian Bank* bagi menubuhkan cawangan mereka di Tanah Melayu kerana peniaga-peniaga India memerlukan sebuah bank bagi memperkembangkan perdagangan di antara India, Tanah Melayu dan Indonesia. *Indian Bank* menolak permohonan itu dan selepas itu mereka memohon kepada *Indian Overseas Bank* dan Bank itu setuju mendirikan sebuah cawangan bank yang pertama di Pulau Pinang kemudian di bandar-bandar lain.²⁸

Pada Julai 1937 cawangan *Indian Overseas Bank* telah ditubuhkan di Pulau Pinang dan merancang untuk menubuhkan cawangan-cawangan lain di Kuala Lumpur dan Singapura.²⁹ Penubuhan Bank ini adalah dari hasil usaha peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang India. M.S.S.T.Sadasiva Iyer dilantik sebagai Pengurus Besar bagi cawangan *Indian Overseas Bank* di Pulau Pinang. Sebagaimana yang telah dijanjikan cawagan *Indian Overseas Bank Ltd.* telah ditubuhkan di Kuala Lumpur di Jawa Street pada Oktober 1938. Pembukaan Bank ini telah dirasmikan oleh Agen Kerajaan India pada masa itu, iaitu Vengadasar.³⁰ Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS) juga telah memberikan jamuan kepada Pengurus Lembaga Pengarah *Indian Overseas Bank Ltd.*, iaitu M.C.M. Chidambaram Chettiar apabila beliau singgah di Tanah Melayu semasa dalam perjalanan lawatan dunia.³¹

Dewan Perniagaan India juga sering kali telah mengadakan perbincangan dengan Syarikat-syarikat perkapalan bagi menjaga kepentingan ahli-ahli peniaga dan juga orang India. Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (PSSIS) telah mengadakan perbincangan dengan syarikat perkapalan *British India Steam Navigation* bagi mengurangkan cukai bagi para penumpang dan juga barang-barang yang dibawa melalui Surat di India.³² Tetapi memandangkan pada masa itu dunia mengalami kemelesetan ekonomi, syarikat itu telah menolak permintaan PSSIS. Oleh itu PSSIS telah berbincang

dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dengan syarikat itu untuk mengadakan perbincangan dengan syarikat itu bagi mengurangkan cukai.³³

Bagi membantu ahli-ahli perniagaan PSSIS juga telah memohon kepada kerajaan untuk mengurangkan upah bagi pekerja-pekerja perahu yang memunggah barang-barang pada masa kemelesetan ekonomi. Oleh itu telah menyediakan butir-butir dan data-data yang diperlukan bagi permohonan itu. Upah bagi mengangkut barang-barang atau guni bagi kedai koperasi telah dibincangkan dan upah yang berpatutan telah ditentukan bagi kedai-kedai koperasi oleh kerajaan.³⁴

Dewan Perniagaan India juga telah berusaha mencegah persaingan di antara ahli-ahlinya supaya tidak membawa kerugian kepada sesuatu pihak kerana pada masa kemelesetan ekonomi semua peniaga hanya mementingkan perniagaan masing-masing. Kemelesetan telah membawa kepada kemerosotan perdagangan antarabangsa dan ia turut memberi kesan kepada perdagangan Tanah Melayu. Peniaga-peniaga India berpendapat kemuncak kegemilangan perdagangan ialah pada tahun 1929 kerana peredaran wang berlaku dengan baik.³⁵ Bahan-bahan pertanian seperti beras walaupun telah megeluarkan hasil yang baik pada tahun 1933 tetapi kekurangan peredaran wang telah melembapkan aktiviti perdagangan pada masa kemelesetan ekonomi.

Pengeluaran beras dunia telah bertambah pada tahun 1932 hingga 1933an akibat pertambahan pengeluaran beras Burma. Pada masa itu simpanan beras dunia ialah 3,500,000 tan.³⁶ Oleh itu harga beras telah menurun. Ahli-ahli Dewan Perniagaan India yang terlibat dalam mengimport beras dari Siam dan Burma telah bekerjasama dalam menentukan harga beras yang berpatutan supaya tidak wujud persaingan antara peniaga-penaiga sehingga beras dijual dengan harga yang lebih rendah daripada harga dibeli.³⁷ Ini telah membolehkan semua peniaga dapat sedikit keuntungan. Kalau wujud persaingan ramai peniaga akan mengalami kerugian.

Dewan-dewan Perniagaan India telah memainkan peranan penting dan aktif dari segi ekonomi. Tujuan penubuhan dewan-dewan perniagaan adalah untuk membantu ahli-ahlinya maju dalam ekonomi dalam bidang mereka ceburinya. Oleh itu Dewan-dewan Perniagaan India telah memainkan peranan itu dengan berjayanya dengan membantu dan membimbing ahli-ahlinya dalam perniagaan mereka.

Peranan Politik

Dewan Perniagaan India selalu menuntut kepada kerajaan British bagi memberikan tempat bagi orang India khasnya wakil peniaga India dalam badan-badan kerajaan. Narashima Iyenger dalam mesyuarat PSSIS yang diadakan pada Mac 1933 telah memperjuangkan hak bagi orang India. Pada pendapatnya mesti ada seorang wakil peniaga India dalam Majlis Mesyuarat Negeri serta dalam Lembaga Kebersihan Bandar (*Sanitory Board*) Kuala Lumpur dan Kelang.³⁸ 35% daripada cukai Majlis Perbandaran dibayar oleh orang India terutamanya golongan Chettiar dan juga cukai kepada Lembaga Luar Bandar (*Rural Board*) tetapi tidak ada seorang wakil orang India dalam badan-badan tersebut.³⁹ Dewan Perniagaan India juga telah memperjuangkan pangkat *Justice of the Peace* (J.P.) bagi golongan peniaga India kerana para pedagang memerlukan pangkat bagi memajukan perniagaan mereka kerana ia akan memudahkan hubungan yang melibatkan kerajaan.⁴⁰

Hasil daripada desakan-desakan Dewan Perniagaan India kerajaan telah memberikan satu perwakilan kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan India dalam badan-badan kerajaan kemudiannya. Hasil daripada usaha-usaha PSSIS telah ada seorang wakil orang India dari Selangor di Majlis Mesyuarat Federal. Tetapi peniaga-peniaga India tidak membawa masalah mereka kepada wakil orang India atau Majlis Mesyuarat Federal.⁴¹ Perwakilan Dewan Perniagaan India juga ada dalam Jawatankuasa Pelabuhan Federal.⁴² Ahli-ahli Dewan Perniagaan India juga telah menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri

dan Lembaga Kebersihan Bandar.⁴³ Dalam Jawatankuasa *General Purpose* yang ditubuhkan bagi membincangkan dan mencari jalan bagi mengatasi keadaan ekonomi yang meruncing negara telah dianggotai oleh ahli-ahli PSSIS, iaitu R.E.Mohammed Kassim J.P. dan selepas kematiannya tempat itu digantikan oleh R.A.Abdul Hamid dan K.Narasimha Iyenger.⁴⁴

Jawatankuasa Tetap Dewan Perniagaan India Perak telah bersidang pada Mei 1934 bagi membincangkan mengenai Jawatankuasa Penasihat Kawalan Getah.⁴⁵ Dewan ini telah memohon kepada kerajaan bagi memberi satu tempat bagi seorang wakil India dalam Jawatankuasa tersebut. Ini disebabkan kerana dalam Jawatankuasa Kawalan Getah Tanah Melayu tidak ada wakil orang India, walaupun kebun-kebun kecil getah ada yang dimiliki oleh orang Chettiar dan juga orang India yang lain. Dalam Jawatankuasa tersebut ada wakil bagi NNMB, NNS, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Brunei, Negeri Sembilan dan wakil orang Cina, iaitu Tan Chen Lock tetapi tidak ada wakil orang India.⁴⁶

Dewan-dewan Perniagaan India juga telah memainkan peranan penting dalam menempatkan perwakilan orang India dalam badan-badan kerajaan. Hasil daripada usaha-usaha atau desakan-desakan Dewan Perniagaan India, orang India mendapat seorang perwakilan orang India dalam badan-badan kerajaan.

Hubungan Dewan Perniagaan India dengan Agen Kerajaan India

Dewan Perniagaan India juga mempunyai hubungan rapat dengan Agen Kerajaan India. Ramai orang berpendapat tugas Agen Kerajaan India ialah menjaga kebijakan pekerja-pekerja ladang dan buruh-buruh sahaja. Pada tahun 1922 di bawah Undang-undang Imigresen India, Seksyen 7 menjelaskan tugas seorang agen yang dilantik oleh kerajaan India ialah mengawasi dan menjaga kebijakan orang India secara keseluruhan.⁴⁷ Dalam pindaan Undang-undang Kerajaan India pada tahun 1923, berkaitan dengan kesihatan,

pendidikan dan tanah telah menjelaskan di antara tugas seorang Agen Kerajaan India ialah seperti berikut:⁴⁸

"They (the agents) shall, so far as may be possible protect and advice all classes of Indian Emigrants within their charge and bring any requirements of such emigrants to the notice of proper authorities in India or in the country in which they are appointed."

Oleh itu Agen Kerajaan India di Tanah Melayu selalu memerhatikan aktiviti-aktiviti para peniaga India kerana mereka juga merupakan golongan orang India yang penting di Tanah Melayu. Agen Kerajaan India selalu menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan India serta memberikan nasihat, bantuan-bantuan dan sebagainya. Agen Kerajaan India yang mencadangkan PSSIS mengambil bahagian dalam Pameran Pertanian dan Kraftangan bagi mempamerkan barang-barang dari India. Beliau juga menasihatkan Dewan-dewan Perniagaan India mengadakan Pameran Perdagangan. Agen Kerajaan India juga selalu memberikan motivasi kepada peniaga-peniaga India. Para peniaga juga dinasihatkan dari masa ke semasa supaya memajukan perniagaan mereka dengan menggunakan iklan-iklan dan promosi barang-barang secara menarik supaya semua orang, iaitu yang terpelajar dan buta huruf dapat memahaminya. Agen Kerajaan India juga menasihatkan peniaga-peniaga India menujuhkan Dewan Perniagaan India Se-Tanah Melayu(*Malaya Indian Chambers of Commerce*) kerana melalui dewan ini mereka dapat merapatkan hubungan di antara Dewan-dewan Perniagaan India.⁴⁹

Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS) telah memohon kepada Agen Kerajaan India untuk menujuhkan Muzium Perdagangan di Kuala Lumpur oleh kerajaan India. Agen Kerajaan India menjelaskan bahawa Muzium Perdagangan hanya boleh ditubuhkan dengan bantuan Dewan-dewan Perniagaan India dan peniaga-peniaga India di Tanah Melayu sahaja. Ini

disebabkan kerana kerajaan India tidak akan memberikan sebarang bantuan dari segi kewangan tetapi akan membantu para peniaga India dengan cara lain bagi memajukan perniagaan mereka.⁵⁰

Oleh kerana pada tahun 1933 Tanah Melayu dilanda kemelesetan ekonomi, Dewan-dewan Perniagaan India dan para peniaga India tidak dapat membiayai penubuhan sebuah Muzium Perdagangan India. Oleh itu Dewan Perniagaan India meminta Agen Kerajaan India mendapatkan bantuan daripada kerajaan India sebagaimana Muzium Perdagangan Jepun di Singapura pada mulanya telah ditubuhkan oleh kerajaan Jepun. Kemudian dewan-dewan perniagaannya telah memberikan bantuan kepada muzium itu dan para pedagang yang mempamerkan barang-barang mereka di Muzium itu telah memberikan komisyen. Agen kerajaan India, Rao Sahib K.A.Mukundan berjanji akan berusaha mendirikan '*Indian Commercial Muzium*' di Kuala Lumpur.⁵¹

Pedagang-pedagang India di Tanah Melayu mendapati perlu ditubuhkan sebuah Muzium Perdagangan India dan melantik seorang '*Indian Trade Commissioner*' bagi mengawasinya. Muzium perdagangan sangat penting bagi mempromosikan barang-barang India dan menyediakan kemudahan bagi memperbaiki perhubungan perdagangan dengan kerajaan India. Negara-negara maju seperti Britain, Belanda, Perancis, Amerika Syarikat dan Jepun bagi mencari pasaran bagi barang-barang perindustrian negaranya telah mempromosikan barang melalui Muzium Perdagangan (*Trade Muzium*) yang ditubuhkan di negara-negara lain.⁵² Sehingga tahun 1937 Agen Kerajaan India tidak mengambil apa-apa langkah bagi menubuhkan Muzium Perdagangan India di Tanah Melayu. Oleh itu para peniaga India telah memohon secara terus kepada kerajaan India untuk menubuhkan sebuah Muzium Perdagangan India bagi menjaga kebajikan saudagar-saudagar India di Tanah Melayu.⁵³

Dewan-dewan Perniagaan India telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Agen Kerajaan India. Ini dapat membantu Dewan-dewan Perniagaan India dalam urusan perniagaan dan perdagangan yang melibatkan kerajaan India dan Tanah Melayu.

Dewan-dewan Perniagaan India selalu memberikan sokongan kepada dasar-dasar kerajaan yang baik. Apabila kerajaan Tanah Melayu meminta para peniaga menghiaskan bangunan-bangunan mereka pada musim-musim perayaan, Dewan Perniagaan India dan perniaga-peniaga India bersama-sama dengan Dewan-dewan Perniagaan lain telah menerima baik cadangan kerajaan itu.⁵⁴ Peniaga-peniaga India telah mencantikkan bangunan-bangunan dan jalan-jalan semasa musim perayaan. Dewan Perniagaan India juga menyokong dasar kerajaan kolonial yang melarang melelong ladang-ladang atau kebun-kebun kecil pada tahun 1932 dan mereka menyampaikan sokongan mereka secara bertulis kepada kerajaan kolonial.⁵⁵

Peranan Sosial

Dewan Perniagaan India juga telah memainkan peranan penting dalam aspek sosial para peniaga dan juga orang India dari segi kebajikan. Dewan Perniagaan India telah menyokong penutupan kedai pada petang hari Ahad, iaitu mulai 1.00 petang dari 2 Oktober 1938 untuk memberikan cuti kepada para pekerja mereka. Ini disebabkan Dewan Perniagaan India Selangor telah menerima banyak rayuan dan aduan secara peribadi dan juga melalui suratkhabar.⁵⁶

Pekerja-pekerja kedai kebanyakannya bangun awal pagi dan bekerja sehingga 10 malam.⁵⁷ Pekerja-pekerja kedai tidak langsung mempunyai waktu rehat yang cukup dan tidak ada cuti. Kebanyakan pekerja-pekerja kedai tinggal di kedai-kedai majikan mereka. Oleh itu cuti hari-hari perayaan pun mereka secara tidak langsung terpaksa bekerja juga. Oleh itu wakil-wakil pekerja telah menulis dalam akhbar-akhbar supaya mereka

diberikan cuti seminggu sekali.⁵⁸ Dalam mesyuarat jawatankuasa DPIS telah diputuskan bahawa kedai-kedai atau syarikat-syarikat ahli-ahlinya harus ditutup pada hari Ahad dan pekeliling mengenainya telah dihantar kepada mereka. Oleh itu DPIS meminta ahli-ahlinya bekerjasama dan mematuhi keputusan yang dibuat oleh DPIS.⁵⁹

Dewan Perniagaan India juga memerhatikan perkembangan tentang buruh-buruh India. DPIS telah memuji Persatuan-persatuan Buruh Ladang apabila mereka menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menangani masalah minuman todi.⁶⁰ Pada masa kemelesetan ekonomi ramai imigran buruh India telah kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal. Pada masa itu para peniaga India dan Dewan-dewan Perniagaan India telah memberikan mereka tempat tinggal sementara dan menyalurkan bantuan-bantuan lain serta membantu imigran-imigran buruh India yang ingin balik ke negara India.⁶¹

Dewan-dewan Perniagaan India juga selalu mengadakan kutipan derma bagi kerja-kerja kebajikan. Dewan Perniagaan India Selangor telah mengadakan kutipan derma bagi gempa bumi yang berlaku di Utara India dan juga kerosakan yang disebabkan oleh angin kencang yang berlaku di Selatan India pada tahun 1932.⁶²

Pada masa Pendudukan Jepun, iaitu dari Februari 1942 hingga Ogos 1945, Dewan-dewan Perniagaan India serta peniaga-peniaga India telah memberikan bantuan kepada orang India dan juga kepada orang lain. Dewan Perniagaan India Selangor dijadikan pusat untuk mengedarkan kain dan makanan kepada rakyat semasa Pendudukan Jepun sehingga pihak British menduduki semula Tanah Melayu. Bahan-bahan makanan dan kain merupakan barang-barang yang sangat diperlukan pada masa itu serta barang-barang ini sangat terhad.⁶³

Selain daripada kepentingan ekonomi, Dewan-dewan Perniagaan India juga memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan sosial orang India, ahli-ahlinya, dan juga pekerja-pekerja kedai. Ia sering menyumbangkan derma-derma bagi kebajikan orang ramai terutamanya orang India, membantu ahli-ahlinya dalam mengatasi masalah mereka dan menjaga kebajikan perkerja-pekerja yang bekerja dengan ahli-ahlinya.

Kesimpulan

Dalam tempoh masa ini, iaitu sejak Dewan-dewan Perniagaan India ditubuhkan sehingga tahun 1945 telah memainkan peranan penting dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Dewan-dewan Perniagaan India dari segi ekonomi telah membantu ahli-ahli dengan pelbagai cara untuk maju dalam perniagaan mereka. Dewan-dewan Perniagaan India telah menerbitkan risalah-risalah yang dapat membantu perniagaan ahli-ahli. Risalah-risalah ini mengandungi pelbagai maklumat tentang komoditi-komoditi eksport, import, dasar-dasar kerajaan yang melibatkan peniaga-peniaga dan sebagainya. Dewan-dewan Perniagaan India juga telah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya dengan cara profesional. Selain itu ahli-ahli juga boleh berbincang tentang perniagaan dan perdagangan dengan ahli-ahli lain. Ia dapat memajukan lagi perniagaan mereka. Dewan-dewan Perniagaan India juga telah bekerjasama dengan Dewan-dewan Perniagaan lain dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama.

Ahli-ahli Dewan Perniagaan India telah memainkan peranan penting dalam politik di Tanah Melayu. Merekalah yang mula-mula telah memperjuangkan kepentingan orang India di Tanah Melayu sebelum parti politik India ditubuhkan. Mereka telah menjadi wakil orang India dalam pelbagai badan kerajaan seperti Lembaga Kebersihan Bandar, Lembaga Luar

Bandar, Jawatankuasa Imigresen dan sebagainya. Dewan-dewan Perniagaan India juga mempunyai hubungan yang baik dengan Agen Kerajaan India yang telah ditempatkan di Tanah Melayu. Ahli-ahli Dewan Perniagaan India yang menghadapi masalah atau perlu bantuan dari kerajaan India dapat menguruskannya melalui Agen Kerajaan India.

Dewan-dewan Perniagaan India dari segi sosial telah membantu orang India dan ahli-ahlinya yang memerlukan bantuan kebaikan dan sebagainya. Semasa kemelesetan ekonomi, ramai buruh India telah kehilangan pekerjaan. Mereka telah dibantu oleh Dewan-dewan Perniagaan India. Buruh-buruh India yang telah kehilangan pekerjaan telah dibantu dengan memberikan tempat tinggal sementara, makanan dan pakaian sebelum mereka dihantar pulang ke India. Kebajikan pekerja-pekerja kedai juga telah diperjuangkan oleh Dewan-dewan Perniagaan India.

Pada tempoh masa ini Dewan-dewan Perniagaan India telah memainkan peranan penting dalam sejarah penubuhannya kerana sebagai sebuah badan yang baru ditubuhkan, ia telah berusaha dan berjaya menjaga kepentingan para peniaga India dan juga ahli-ahlinya.

Nota Hujung:

- ¹ Tamil Nesan 5.10.1932, Vol. 10, No.10, hlm. 3.
- ² Ibid., hlm.5.
- ³ P.P.Courtenay, A Geography of Trade and Development In Malaya, London: G.Bell&Sons Ltd., 1972, hlm.128.
- ⁴ Ibid., hlm.129.
- ⁵ Ibid., hlm.6.
- ⁶ Tamil Nesan, 24.4.1933, Vol.9, No..63, hlm. 3.
- ⁷ Tamil Nesan, 26.4.1933, Vol.9, No.63, hlm.3.
- ⁸ Tamil Nesan, 20.9.1933, Vol.10, No.3, hlm.3.
- ⁹ Tamil Nesan, 28.12.1935, Vol.12, No.47, hlm.2.
- ¹⁰ Tamil Nesan, 27.9.1933, Vol.10, No.5, hlm.3.
- ¹¹ Tamil Nesan, 23.3.1932, Vol.8, No.56, hlm.5.
- ¹² Tamil Nesan, 27.9.1933, op.cit.
- ¹³ Tamil Nesan, 30.9.1933, Vol.10, No.6, hlm.4.
- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ Tamil Nesan, 18.10.1933, Vol.10, No.11, hlm.3.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ Tamil Nesan, 28.10.1933, Vol.10, No.14, hlm.5.
- ²⁰ Tamil Nesan, 15.11.1933, Vol.10, No.19, hlm.4.
- ²¹ Tamil Nesan, 4.11.1933, Vol.10, No.16, hlm.4.
- ²² Ibid.
- ²³ Ibid.
- ²⁴ Ibid., hlm.8.
- ²⁵ The Federated Malay States Chamber of Commerce Year Book 1938, The Fedeted Malay States Chamber of Commerce, 1939, hlm.7.
- ²⁶ Ibid., hlm. 12.
- ²⁷ Tamil Nesan, 9.7.1937, Vol.13, No.183, hlm.3.
- ²⁸ Ibid.
- ²⁹ The Indian, 8.5.1937, No.72, hlm.2.
- ³⁰ Tamil Nesan, 22.10.1938, Vol.15, No.16, hlm.2.
- ³¹ Indian Daily Mail, 7.11.1951, Vol.7, No.268, hlm.4.
- ³² Tamil Nesan, 23.3.1932, op.cit., hlm.5.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Ibid.
- ³⁵ Tamil Nesan, 26.4.1933, op.cit., hlm.3.
- ³⁶ Ibid.
- ³⁷ Ibid., hlm.4.
- ³⁸ Tamil Nesan, 26.4.1933, op.cit., hlm.2.
- ³⁹ Tamil Nesan, 15.6.1935, Vol.11.No.118, hlm.4.
- ⁴⁰ Tamil Nesan, 26.4.1933, op.cit, hlm.2
- ⁴¹ Tamil Nesan, 20.9.1933, op.cit.
- ⁴² Sila lihat Fail Federal Secretariat BRO/FS 12414/1951.
- ⁴³ Tamil Nesan, 28.3.1932, Vol.8, No.56, hlm.4.
- ⁴⁴ Tamil Nesan, 23.3.1932, op.cit., hlm.4.
- ⁴⁵ Tamil Nesan, 31.5.1934, Vol.10, No.93, hlm.4.
- ⁴⁶ Tamil Nesan, 24.5.1934, Vol.10, No.90, hlm.3.
- ⁴⁷ Tamil Nesan, 26.4.1933, op.cit., hlm.4.
- ⁴⁸ Ibid., hlm.3.

-
- ⁴⁹ . Ibid.
- ⁵⁰ . Ibid.
- ⁵¹ . Ibid.
- ⁵² . The Indian, 27.2.1937, No.62, hlm.4.
- ⁵³ . Ibid.
- ⁵⁴ . Sila lihat Laporan Tahunan The Federated Malay States Chambers of Commerce 1936, The Fedetated Malay States Chambers of Commerce, 1937, hlm. 22.
- ⁵⁵ . Tamil Nesan, 23.3.1932, op.cit, hlm.2.
- ⁵⁶ . Tamil Nesan, 28.4.1938, Vol.14, No.186, hlm.8.
- ⁵⁷ . Tamil Nesan, 2.11.1938, Vol. 4, No.280, hlm.2.
- ⁵⁸ . Indian Daily Mail, 31.5.1938, Vol.4, No.705, hlm.4.
- ⁵⁹ . Ibid. hlm.4.
- ⁶⁰ . Tamil Nesan, 28.4.1938, Vol.14, No.186, hlm.8.
- ⁶¹ . Ibid.
- ⁶² . Tamil Nesan, 17.2. 1932, Vol.8, No.53, hlm. 2.
- ⁶³ . Sila lihat terbitan Perayaan Jubli Intan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1989, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan India Kuala dan Selangor, 1989, hlm. 27.